



Fail: (43) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.37

Tarikh: 17 November 2011

SIARAN MEDIA

INOVASI PEMANGKIN TRANSFORMASI

PUTRAJAYA, 17 November – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Sambutan Hari Inovasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2011 bertemakan 1KPKT:Inovasi Pemangkin Transformasi pada hari ini.

2. KPKT juga melancarkan Dasar Inovasi KPKT pada hari ini. Ini menjadikan Kementerian ini yang pertama merangka dan melancarkan Dasar Inovasi untuk Organisasi Kementerian. Dasar adalah panduan bagi mencapai inisiatif dan penetapan yang telah dirangka untuk membudayakan inovasi di KPKT.

3. Warga KPKT disarankan mengambil contoh individu yang berinovasi tinggi seperti Steve Jobs (pengasas Apple), Mac Funamizu (pereka konsep telefon bimbit hologram *Trou*), Akio Morita (pengasas Sony Inc.), Phua Khein Seng (pencipta *pendrive*) dan Datuk Seri Tony Fernandes (Prime Mover Air Asia) untuk membentuk insan berinovasi.

4. Hasrat Kerajaan untuk membina masyarakat berinovasi ini adalah selaras dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri yang disampaikan semasa Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri pada 31 Mei 2011. Beliau menekankan kepentingan untuk membudayakan inovasi dan kreativiti di sektor awam secara terang-kum dan menyeluruh.

5. Aspek Inovasi telah menjadi penanda aras baru global yang menuntut kepada keupayaan penciptaan yang bersifat baru, unik dan bermanfaat dan pemangkin kepada transformasi yang mampu meningkatkan sistem penyampai perkhidmatan

kepada rakyat dan negara.

6. Di majlis ini juga disampaikan anugerah kepada individu, kumpulan dan organisasi dalam kategori inovasi yang memenangi kategori Anugerah Khas Menteri, Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha, Kumpulan Inovasi dan Kreatif Terbaik dan Perucapan Awam Bahasa Inggeris.

7. Turut hadir di majlis ini ialah Y.B. Timbalan Menteri KPKT, Ketua Setiausaha KPKT, TKSU (Dasar&Pembangunan) TKSU (Pengurusan) , Ketua - Ketua Jabatan dan Bahagian dan warga KPKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my